



20 MAY, 2022

## Gangguan elektrik, air Kampung Pulau Sekati diatasi

Kosmo, Malaysia



Page 1 of 2

## Gangguan elektrik, air Kampung Pulau Sekati diatasi

**KUALA TERENGGANU** – Kerajaan negeri Terengganu tidak menolak kemungkinan untuk membina semula jambatan kayu dalam usaha menyelesaikan masalah gangguan bekalan elektrik dan air yang membelenggu 200 penduduk Kampung Pulau Sekati di sini.

Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Dr. Ahmad Samsuri Mokhtar bagaimanapun berkata,

perkara itu masih dalam peringkat cadangan dan ia akan diperhalusi terlebih dahulu bagi memastikan pembinaannya dapat membantu rakyat.

Katanya, sebelum ini, TNB telah memasang tiang dan kabel elektrik sementara untuk kegunaan 48 keluarga terlibat di perkampungan tersebut.

"Ia merupakan penyelesaian jangka pendek selepas banjir be-



**KERATAN Kosmo! 18 Mei 2022.**

sar pada hujung bulan Februari lalu," katanya semalam.

Tambah Ahmad Samsuri,

kerajaan negeri memberi jaminan bahawa masalah berkenaan akan diselesaikan dalam masa terdekat dan perbincangan antara Tenaga Nasional Berhad dan Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd. (Satu) sedang berjalan.

Katanya, kedua-dua agensi telah mengemukakan beberapa cadangan solusi jangka panjang. "Pilihan cadangan penyelesaian terbabit akan diputuskan

dalam Mesyuarat Exco Mingguan tidak lama lagi. Kita akan memilih penyelesaian paling segera dan ekonomikal untuk penduduk Pulau Sekati," katanya.

Kosmo! kelmarin melaporkan penduduk Kampung Pulau Sekati mengalami gangguan bekalan elektrik dan air sejak tiga bulan lalu berikutan jambatan kayu itu sebelum ini turut menempatkan sebahagian kabel elektrik.